

FRASA (8 markah)

Arahan : Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- (1) meninggikan suara
- (2) memanggil awak ke sini
- (3) berjumpa dengan rakan awak
- (4) telah mencampakkan pinggan awak
- (5) sering mengganggu kententeraman bilik darjah
- (6) hukuman yang akan Cikgu berikan kepada saya

Fiza : Wani, Cikgu Razak ingin berjumpa awak sekarang.

Wani : Baiklah.

Cikgu Razak : Wani, awak tahu mengapa saya (26)_____?

Wani : Tidak, Cikgu.

Cikgu Razak : Semasa waktu rehat tadi, saya nampak awak (27)_____. Perbuatan awak menyebabkan baju seorang pengawas sekolah kotor.

Wani : Saya minta maaf, Cikgu.

Cikgu Razak : Tidak semudah itu, Wani. Saya terpaksa mendenda awak. Guru darjah awak, Cikgu Rita, telah memberitahu saya bahawa awak juga telah (28)_____.

Wani : Betul, Cikgu. Saya membuat demikian kerana sangat marah dengan kawan saya. Saya terima (29)_____.

Cikgu Razak : Baiklah.

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--

KEFAHAMAN 2: RANGSANGAN GRAFIK (10 markah)

Arahan: Teliti brosur yang berikut.

Peluang Berniaga



Tempat: Kedai Makan Istimewa

Gerai-gerai kosong untuk disewa. Sesiapa yang berminat, sila hubungi **Puan Aliya** di talian **9638 3899** untuk mendapatkan keterangan lanjut sebelum memulakan perniagaan

Akan mula beroperasi tidak lama lagi !!!

Mengapakah anda perlu menyewa di gerai ini???

Gerai-gerai yang ada:


- Gerai Mi
- Gerai Nasi
- Gerai Prata
- Gerai Kuih-Muih
- Gerai Makanan Laut
- Gerai Minuman

Dilengkapi dengan dapur gas, paip air, tempat mencuci pinggan, kerusi meja, kaunter dan lain-lain kemudahan.

Syarat-syarat pemohonan

1. Anda harus berumur 21 tahun ke atas
2. Tidak mempunyai masalah dengan bank
3. Tidak boleh menyewakan gerai anda kepada orang lain
4. Dapat membayar sewa gerai setiap bulan tanpa tersekat-sekat
5. Menjaga kebersihan gerai anda

Untuk membuat pendaftaran, sila datang ke
Blk 637 Choa Chu Kang North
#02-67 Singapura 679637
Dari 10 pagi hingga 5 petang



Arahan: Berdasarkan brosur di halaman 4, pilih jawapan yang paling sesuai bagi Soalan 30 hingga Soalan 32. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan. Bagi Soalan 33, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan di halaman 6.

30 Tujuan brosur ini adalah untuk _____.

- (1) mempromosikan gerai-gerai baharu
- (2) menggalakkan orang ke Kedai Makan Istimewa
- (3) memberitahu tentang kemudahan yang disediakan
- (4) mengumumkan tentang gerai-gerai untuk disewakan

31 Anda tidak boleh menyewa gerai sekiranya anda ingin menjual _____.

- (1) makanan ala barat
- (2) mi soto dan mi rebus
- (3) sotong dan ikan bakar
- (4) puteri salat, ondeh-ondeh dan putu piring

32 Pendaftaran gerai anda tidak akan lulus sekiranya anda _____.

- (1) berumur 30 tahun
- (2) seorang yang pembersih dan kemas
- (3) bijak mengendalikan gerai anda sendiri
- (4) mempunyai masalah pinjaman wang daripada bank

SOALAN	JAWAPAN
30	
31	
32	

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--

(lihat halaman sebelah)

- 33 Bayangkan kamu Salman. Kamu memang berniat untuk membuka gerai bersama dengan rakan baik kamu, Khairi. Tulis sebuah emel untuk memberitahu Khairi dua alasan mengapa kamu amat tertarik untuk membuka gerai di Kedai Makan Istimewa.

Gunakan informasi dalam brosur untuk melengkapkan emel di bawah ini.

(4 markah)

Kepada: khairi@hotmail.com

Daripada: salman@yahoo.com

Subjek: Membuka Gerai

Khairi,

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--

(lihat halaman sebelah)

KEFAHAMAN 2 (22 markah)

Arahan : Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

“Aaaaah.....!” keluh Hira sambil melunjurkan kakinya. Ia berasa sungguh terseksa terbaring dalam kesakitan begitu. Sudah berminggu-minggu ia terlantar di bawah kerusi disebabkan sudah tua dan lemah. Tubuhnya yang kurus hanya tinggal kulit dengan tulang sahaja. Itulah Hira, kucing peliharaan Mak Nora.

“Hira! Di sini rupanya kau.” Tiba-tiba kedengaran suara manja dan terasa usapan tangan yang lembut. Hira tahu itulah tuannya. Lega sebentar sakitnya. Dalam keadaan seperti itu, masih ada insan yang simpati dan sayangkannya. Hira benar-benar terhutang budi kepada tuannya. Dialah yang bersusah payah menghantarkannya ke klinik dan merawatnya siang malam.

Meskipun Hira sudah tua, Mak Nora tetap melayannya seperti dahulu. Mak Nora menatap muka Hira. Perasaannya sayu dan hatinya pilu. Air mata perlahan-lahan membasahi pipinya. Dia terkenang akan nasib orang-orang tua di rumah tumpangan yang dilawatinya minggu lalu. Nasib mereka lebih teruk daripada Hira. Dia berpendapat bahawa Hira memang beruntung kerana ada orang yang merawat dan mengasihinya pada babak-babak terakhir dalam hidupnya.

Mak Nora berasa pelik akan sikap segelintir manusia. Mereka tidak sanggup menjaga atau merawat ibu bapa mereka sendiri yang pernah berjasa besar dalam hidup mereka. Apabila mereka sudah tua, ibu bapa mereka dengan mudah disia-siakan. Mereka dibiarkan menjalani kehidupan yang menyedihkan di rumah tumpangan orang-orang tua. Kebanyakan orang tua yang Mak Nora temui masih mempunyai anak atau saudara rapat. Namun, mereka dihantar ke rumah tumpangan kerana tiada sesiapa yang ingin menjaga mereka. Mak Nora berasa risau dan takut. Dia tidak mahu menerima nasib begitu. Kalau boleh, dia ingin menjadi seperti Hira yang dirawat dan dilayan dengan baik pada saat-saat akhir hayatnya.

Arahan : Berdasarkan petikan karangan di halaman 7, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- 34** Mengapakah Hira sudah berminggu-minggu terlantar di bawah kerusi?

(2 markah)

- 35** Berikan dua sebab mengapa Hira terhutang budi kepada Mak Nora.

(4 markah)

- 36** Bagaimanakah keadaan badan Hira?

(2 markah)

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--

(lihat halaman sebelah)

- 37** Hira seekor haiwan yang beruntung. Jelaskan. (4 markah)

- 38** Orang-orang tua itu menjalani kehidupan yang menyedihkan. Berikan dua bukti untuk menyokong pernyataan ini. (4 markah)

- 39** Mak Nora ingin menjadi seperti Hira. Jelaskan. (4 markah)

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--

(lihat halaman sebelah)

- 40** Terdapat perkataan dalam petikan yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah. Kenal pasti perkataan tersebut. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan. (2 markah)

(a) gosokan yang perlahan-lahan

(b) sekumpulan kecil

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--

SELESAI